

GARIS PANDUAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID LAMA, TAPAK MASJID LAMA ATAU MASJID YANG TIDAK DIGUNAKAN LAGI.

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid (Pengerusi dan ahli jawatankuasa) bagi melaksanakan tatacara penggunaan masjid lama, tapak masjid lama atau yang tidak digunakan lagi berdasarkan ketetapan-ketetapan yang digariskan di bawah dengan tujuan menjaga kesucian fungsi masjid mengikut perundangan dan hukum syarak.
- 1.2 Garis panduan ini juga dapat dijadikan rujukan bagi memperbaiki fungsi dan peranan masjid lama atau tapaknya yang telah disalahguna dan kaedah pembetulan yang sepatutnya untuk keuntungan Islam dan kemaslahatan masyarakat setempat.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Masjid merupakan bangunan bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat. Masjid berasal dari perkataan Arab iaitu "Sajd" yang merujuk kepada bersujud atau merendahkan diri semasa bersembahyang. Masjid merupakan bangunan di mana sembahyang Jumaat diadakan dengan bilangan jemaah yang ramai dan boleh menampung pelbagai aktiviti.
- 2.2 Masjid adalah rumah Allah S.W.T.. Permasalahan masjid merangkumi aspek-aspek pengimarahannya, hukum-hukum, syiar, fungsi, pembangunan, peranan dan tanggungjawab orang-orang Islam bagi mencapai dan merealisasikan maksud dan tujuan ia didirikan.

- 2.3 Termasuk dalam ruang lingkup perbincangan mengenai masjid ialah entitinya yang dikira sebagai harta wakaf yang ditentukan untuk kegunaan umat Islam. Ini bererti masjid adalah kepunyaan atau milik semua umat Islam dan perlu digunakan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh syarak.
- 2.4 Perubahan persekitaran geo-politik dan geo-sosial yang antara lainnya tidak dapat dielakkan menyebabkan masjid sudah tidak lagi diimarahkan (المهجور) malah tidak dikunjungi lagi disebabkan penghijrahan beramai-ramai ke penempatan baru.
- 2.5 Termasuk juga dalam era perubahan tersebut ialah pembinaan masjid baru di atas tapak yang berbeza daripada masjid lama tetapi lokasinya amat berdekatan antara satu sama lain. Ini berkemungkinan disebabkan masjid lama tidak dapat lagi menampung ahli jemaah yang ramai dan tapaknya terlalu kecil.

3. PERANAN ASAL MASJID

- 3.1 Sebagai tempat ibadat untuk sembahyang fardhu dan sunat.
- 3.2 Sebagai pusat pendidikan dan ilmu.
- 3.3 Sebagai tempat syura dan pertemuan masyarakat setempat.
- 3.4 Sebagai rumah taqwa dan pusat fokus untuk membangunkan insan.
- 3.5 Sebagai syiar dan mercu tanda pembangunan yang sentiasa berfungsi dan hidup.

4. TAFSIRAN

- 4.1 **Masjid lama:** bangunan yang didirikan untuk tujuan masjid, sama ada yang masih boleh digunakan atau yang tidak boleh digunakan lagi.
- 4.2 **Penggunaan Masjid Lama:**
 - didirikan solat fardhu selain Jumaat (ghairu jamik)
 - aktiviti ilmu, fardhu ain atau kifayah.
 - aktiviti ibadah seperti iktikaf dan tadarus

- masalah am seperti mesyuarat.
 - tarbiah dan pendidikan seperti menghafaz al-Quran.
- 4.3 **Salah guna:** menggunakan tapak masjid secara menyalahi hukum syarak seperti dijadikan tempat parkir kenderaan atau tempat penginapan.
- 4.4 **Tapak masjid:** kawasan yang dibina masjid di atasnya pada hari yang pertama atau selepas pembesarannya.
- 4.5 **Tidak digunakan:** masjid asal di atas tapak yang asal dan masih baik tetapi tidak digunakan untuk sebarang aktiviti.

5. RASIONAL

Garis panduan ini dibuat adalah bagi tujuan mewujudkan dan memudahkan penggunaan atau prosedur memanfaatkan nilai masjid lama, atau tapaknya, agar kekal berfungsi jariahnya seperti yang diniatkan oleh f serta menepati hukum syarak dan perundangan.

6. DALIL/ HUKUM

Allah S.W.T. menuntut orang-orang yang beriman untuk mengimarahkan masjid. Mereka diberi ganjaran yang besar baik didunia maupun diakhirat. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَ
إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

(Surah At-Taubah:18)

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat- sifat yang

tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

Ayat ini jelas memberi petunjuk kepada kita bahawa *imarah* (memakmurkan) masjid termasuk membina, membangun dan beribadat didalamnya. Amalan ini kesemuanya bermaksud melakukan ketaatan kepada perintah Allah s.w.t. Pengimarah masjid mencakupi pengurusan peribadatan solat fardhu secara berjemaah, mengatur program peningkatan rohani, peningkatan ilmu-ilmu untuk mengenal tuntutan dan larangan Allah, begitu juga pengurusan selenggaraan kemudahan-kemudahan masjid, kebersihan dan keselamatan masjid.

Sebaliknya Allah s.w.t. mengancam keras kepada orang-orang yang merobohkan masjid (tidak memakmurkannya) dan tidak mengambil manfaatnya kembali untuk agama islam , seperti yang dinyatakan dalam ayat ini:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

(Surah al-Baqarah:114)

“Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah didalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar.”

7. HUKUM MENJUAL BARANGAN DAN BANGUNAN MASJID YANG SUDAH TIDAK DIGUNAKAN LAGI

7.1 Umumnya, semua barang-barang masjid merupakan barangan wakaf daripada masyarakat awam. Barangan masjid yang telah rosak dan sudah tidak ada nilai penggunaan serta manfaatnya, boleh dilupuskan. Akan tetapi bagi barangan masjid yang masih baik dan boleh dimanfaatkan, ada hukum-hukumnya yang tertentu.

7.2 Kata Al-Imam An-Nawawi di dalam Kitab Al-Majmuk berkaitan harta wakaf;

وذلك لئلا تضيع وادراك اليسير من ثمنها يعود على الوقف اولى من ضياعها. واستثنت من بيع الوقف لصيورتها كالمعدومة ويصرف ثمنها لمصالح المسجد ان لم يمكن شراء حصير أو جذع.

"Dan demikian itu supaya barangan (wakaf) tersebut tidak disia-siakan. Dan (berhasil) mendapatkan sedikit keuntungan barangan masjid (yang dijual) dan dikembalikan nilainya untuk waqaf, itu lebih utama daripada disia-siakan nilainya terus. Dan hal ini dikecualikan daripada (larangan) penjualan harta wakaf, kerana dianggap barangan itu seolah sudah tiada, dan hasil keuntungannya itu diperuntukkan untuk kepentingan masjid yang lainnya, jika tidak berkemungkinan untuk digunakan bagi pembelian karpet solat (di ruangan masjid) atau tiang-tiang (binaan) masjid."

7.3 Petikan kata-kata Al-Imam An-Nawawi lagi di dalam Kitab Mughni Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj berkaitan harta wakaf yang sudah tidak boleh digunakan lagi;

وَالْأَصْحُ جَوَازُ بَيْعِ حُصْرِ الْمَسْجِدِ إِذَا بَلَيْتَ وَجُدُوْعِهِ إِذَا انْكَسَرَتْ وَلَمْ تَصْلُحْ إِلَّا لِلْإِحْرَاقِ

"Dan menurut pendapat yang paling sahih, diharuskan menjual karpet-karpet masjid jika telah usang, dan juga tiang-tiang (dan binaan masjid) yang telah retak dan hampir roboh dan (jika) tidak boleh digunakan (bagi kegunaan lainnya selain kepentingan masjid) kecuali dibakar."

- 7.4 Asasnya, barangan masjid yang merupakan harta wakaf tetapi sudah terlalu lama dan usang, hendaklah dijual dan dimanfaatkan keuntungan jualannya semula untuk kepentingan masjid sepertimana yang diniatkan oleh para wakif.

8. TATACARA PENGGUNAAN TAPAK MASJID LAMA

- 8.1 Mengekalkan nama (serta papan tanda) masjid dengan tidak mengubahnya kepada nama sebuah institusi lain seperti pusat pengajian tahfiz.
- 8.2 Mengekalkan pengimarahannya dengan didirikan solat fardhu berjemaah meskipun dalam jumlah jemaah yang sedikit.
- 8.3 Masjid lama dijadikan tempat persinggahan solat bagi para musafir.
- 8.4 Dibenarkan untuk dirobuhkan bangunan lama sekiranya dengan niat untuk membina binaan masjid yang baru atau perkara-perkara mulia mengikut syarak seperti yang dihuraikan.
- 8.5 Mengekalkan kehormatan masjid seperti tidak memasukinya dengan berkasut, dalam keadaan haidh, berjubah dan seumpamanya sepertimana masjid-masjid yang lainnya.
- 8.6 Mengekalkan situasi masjid seperti menghafal al-Quran dengan cara halaqah, tidak dengan menggunakan kerusi dan meja.
- 8.7 Membuat permohonan secara rasmi kepada pihak berkuasa agama bagi menjalankan sebarang aktiviti bagi mengimarahkannya seperti kelas tahfiz, pusat pendidikan agama, pusat pengajian dan seumpamanya.
- 8.8 Cadangan munasabah penggunaan masjid lama yang tidak lagi digunakan, hendaklah diajukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

9. SITUASI KES

- 9.1 Permohonan menggunakan tapak masjid lama dibuat oleh Jawatankuasa Bertindak bagi tujuan imarah.
- 9.2 Tapak masjid lama dibiarkan tanpa pengimarahannya:
- Pihak berkuasa agama mencadangkan penggunaan tapak masjid lama kepada Jawatankuasa Bertindak untuk imarah.

9.3 Tapak masjid lama disalahguna:

- Pihak berkuasa agama menyediakan laporan dan cadangan kepada Jawatankuasa Bertindak untuk pembetulan atas kekhilafan salahguna yang berlaku.

10. SALAHGUNA FUNGSI DAN CARA PENGGUNAAN YANG SEPATUTNYA

10.1 Barangan-barangan tinggalan masjid lama digunakan oleh orang awam sesuka hati malah tidak dimanfaatkan untuk kepentingan umum

- Barangan yang langsung sudah tidak boleh digunakan, dibakar. Bagi barangan yang masih boleh digunakan akan tetapi usang, boleh diberikan pada masjid lain yang berdekatan, atau dijual dan digunakan nilai keuntungannya untuk kepentingan masjid tersebut semula.

10.2 Menggunakan tapak masjid secara menyalahi syarak seperti menjadikannya kawasan parkir kenderaan.

- meletakkan tanda '**masjid lama**' dan memagar kawasan berkenaan atau membina bangunan untuk digunakan sebagai tempat solat golongan musafir.

10.3 Menggunakannya secara tidak menepati keputusan fatwa dan peraturan penguasa agama seperti menjadikannya pusat hafazan al-Quran dan menukar nama masjid kepada nama institusi tersebut.

- membuat permohonan kepada pihak berkuasa agama dengan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

11. PENUTUP

Tapak masjid kekal diiktiraf (berdasarkan mazhab Syafii) sebagai tapak harta yang diwakafkan berdasarkan niat asal para wakif. Hukum-hukum yang terpakai diaplikasikan pada barangan dan bangunan masjid.

Diharapkan garis panduan ini dapat membantu pihak pengurusan masjid di negeri Perak menjalankan tanggungjawab mereka dalam memastikan fungsi masjid dan kesuciannya dipelihara sesuai dengan hukum syarak dan peraturan sedia ada.

RUJUKAN:

Al-Imam An-Nawawi, 676H, **Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab, 15/347.**

Al-Khatib Asy-Syarbini, 977H, **Kitab Mughni Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj, 3/551.**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2011, **Garis panduan perancangan Masjid dan Surau.**

Ahmad Husni Hj. Hasan, 2012, ***Perubahan Tapak, Struktur Dan Fungsi Masjid, Kesannya Terhadap Hukum Wakaf: Satu Kajian Kes Di Negeri Perak.*** Kajian untuk Jabatan Mufti negeri Perak.